

Memorandum pendidikan Malaysia-Thailand

um - 10/6/2007

BANGKOK 9 Jun - Setelah menjalin hubungan tidak rasmi dalam bidang pendidikan selama bertahun-tahun, Malaysia dan Thailand dijangka memeterai satu memorandum persefahaman (MoU) Ogos ini bagi merintis jalan ke arah mengadakan hubungan lebih erat dan pertukaran kepakaran secara rasmi antara pendidik dari kedua-dua negara.

Kerjasama itu yang akan mula berkuat kuasa apabila kedua-dua negara menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik mereka pada tahun ini, dijangka dimuktamadkan dan dimeterai apabila Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont melawat Malaysia Ogos ini.

Perkara ini dinyatakan Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Sekolah, Datuk Alimuddin Mohd. Dom yang mengetuai 12 pegawai kanan Kementerian Pelajaran dalam lawatan lima hari ke Thailand, yang berakhir hari ini, bagi meninjau bidang kerjasama yang boleh diteroka oleh kedua-dua negara dalam aspek pendidikan.

Alimuddin berkata, pemeteraian MoU itu adalah hasil daripada pertemuan antara Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan rakan sejawatannya dari Thailand Prof Dr. Wichit Srisaan di sini baru-baru ini dan di

Kuala Lumpur bulan lepas.

"Banyak sekolah dan institusi dari kedua-dua negara mengadakan program pertukaran dan kerjasama sejak beberapa tahun lepas. Justeru itu, kedua-dua menteri berpendapat kerjasama secara rasmi perlu diwujudkan demi faedah kedua-dua negara," kata Alimuddin dalam temubual di sini.

Beliau berkata, MoU itu akan menyentuh, antara lain, kerjasama dalam bidang akademik dan pertukaran kakitangan, pakar, guru dan pelajar, usaha meningkatkan hubungan antara sekolah berkelompok dan penganjuran program latihan guru.

Katanya, antara bidang kerjasama penting ialah yang melibatkan sekolah agama berikutan permintaan Dr. Wichit agar Malaysia memberi bantuan kepada Thailand bagi memajukan sistem sekolah agama di negara ini, terutama di wilayah selatan yang dilanda kekacauan.

Sementara itu, pada Ogos ini, 500 anggota pengakap Malaysia dari sekolah di kawasan yang bersempadan dengan Thailand, akan menyertai 1,500 anggota pengakap dari wilayah selatan negara ini untuk menghadiri Jambori Pengakap Sempadan Malaysia-Thailand di Songkhla.

- Bernama